

Media Title : Harian Metro
Headline : Pesara rugi RM735k
Date : 26 July 2024
Section : Lokal
Page : 18



Pesara rugi RM735k

Tangkak: Seorang pesara kerajaan rugi RM735,000 selepas terpedaya dengan sindiket *phone scam* atau penipuan melalui panggilan telefon.

Ketua Polis Daerah Tangkak, Superintendant Roslan Mohd Talib berkata, wanita berusia 67 tahun itu menerima panggilan daripada individu memperkenalkan diri sebagai polis dan menyatakan kononnya dia ter-

babit dengan kes penggubahan wang haram.

Beliau berkata, warga emas itu kemudian diminta memindahkan wang daripada akaun miliknya ke 10 akaun berbeza diberikan suspek, kononnya untuk siasatan.

“Wanita itu menyedari ditipu selepas memindahkan wang dan membuat laporan polis semalam,” katanya dalam kenyataan semalam.